

04 AUG 2003

MAHATHIR-MASYARAKAT

MASYARAKAT ASIA TIMUR PERLU MELIHAT KE LUAR, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata masyarakat Asia Timur perlu meninjau ke luar dan melihat dunia sebagai tempat pasarannya di samping menerima yang lain ke pasarannya.

"Tidak perlu berselindung di sebalik tembok ekonomi Asia Timur dan bersembunyi di belakang tembok besar," kata beliau semasa berucap merasmikan Kongres Asia Timur di sini hari ini.

Beliau berkata masyarakat politik Asia Timur yang tidak sepatutnya bersikap untuk melihat ke dalam, defensif dan takut.

"Ia mesti membuka dirinya kepada dunia walaupun jika mereka meneroka ke semua penjuru dunia," kata beliau.

Dr Mahathir berkata di tahun-tahun mendatang, masyarakat Asia Timur perlu memberi tumpuan dalam membina masyarakat Asia Timur yang sama, keamanan serta kemakmuran bersama, satu komuniti yang menguasai di rantau berkenaan serta dalam dunia yang lebih luas.

"Kita perlu mencari jalan untuk menyumbang kepada keselamatan dan kesejahteraan bagi pihak semua negara Asia Timur bukan hanya untuk yang kuat dan kaya tetapi juga untuk yang lemah dan miskin."

Beliau berkata dalam proses membina masyarakat Asia Timur, negara-negara perlu menggunakan proses penyertaan yang paling luas ke semua peringkat, kerajaan dan bukan kerajaan.

"Apa sahaja skim untuk kerjasama yang kita mulakan, mereka perlu diasaskan terhadap prinsip faedah bersama, saling menghormati, memahami kesaksamaan, persetujuan sebulat suara dan demokrasi," kata beliau.

Perdana Menteri berkata dengan kerjasama berkenaan, keamanan dan kemakmuran sedia ada akan kurang rapuh dan lebih tahan lama.

Dr Mahathir berkata setelah lebih 10 tahun selepas beliau membangkitkan idea untuk membentuk Kumpulan Ekonomi Asia Timur, isu itu kini dianggap sebagai tidak lagi luar biasa, logik dan malah biasa.

Hari ini, mereka yang bercakap mengenai perkumpulan sedemikian tidak lagi dianggap gila, bodoh, meracau atau yang berbahaya, kata beliau.

Bagaimanapun, beliau berkata perkumpulan itu perlu mencari kreativiti untuk mendapatkan rumusan yang terbaik dan sewajarnya serta keberanian untuk melakukan apa sahaja keperluan yang perlu dilaksanakan dalam merealisasikan usaha-usahanya.

"Kita tidak sepatutnya mengeneipkan pengalaman Asean yang saya percayainya secara langsung lebih relevan. Ini adalah kerana pengalaman Asean memberikan kesesuaian yang lebih tepat berkaitan pembinaan masyarakat di peringkat awal integrasi.

"Kita di Asia Timur akan berada di dalam fasa integrasi, politik dan ekonomi di tahap yang lebih rendah, pada masa depan yang dijangkakan."

Dari segi ekonomi, beliau berkata meskipun negara-negara Asia Timur telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dan dianggap rantau yang paling boleh dipercayai di dunia bagi perdagangan dunia serta pembangunan ekonomi, mereka masih tanpa suara dan pengaruh.

Beliau berkata keputusan yang menentukan kewujudan masa depan mereka dibuat di tempat lain dan oleh itu telah tiba masanya bagi negara-negara tersebut memberi kuasa kepada diri mereka sendiri demi masa depan mereka sendiri.

"Kita berhutang budi kepada rakyat kita, bagi menguatkan suara kita dan menggalakkan pengaruh kita. Lebih penting lagi, negara-negara Asia Timur

perlu bersedia untuk bertindak.

"Kita perlu komited secara tegas untuk bertahan dalam menghadapi halangan, biasa serta buatan manusia dan pada masa yang sama, kita perlu praktikal dan bersabar," katanya.

Dr Mahathir berkata adalah jelas bahawa pembinaan masyarakat Asia Timur di tahun-tahun akan datang memerlukan sekurang-kurangnya empat P - iaitu "Principle" (prinsip), "Persistence" (Kecekalan), "Pragmatism" (pragmatisme) dan "Patience" (kesabaran).

Sementara itu, Kongres Asia Timur yang pertama kali diadakan di sini dianjurkan oleh Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) dan dihadiri peserta dari 13 negara Asia Timur.

Antara penceramah di kongres berkenaan ialah bekas naib menteri kewangan Jepun, Prof Dr Eisuke Sakakibara atau lebih dikenali sebagai "Mr Yen", Penasihat Khas Kabinet Jepun, Prof Kuroda Haruhiko, bekas Timbalan Perdana Menteri Korea Selatan Prof Han Seung-Soo, pengarah urusan Bank Pembangunan Singapura Dr Fong Cheng Hong.

Yang lain termasuk pengarah Institut Dasar Ekonomi Antarabangsa Korea Selatan Dr Cho Jongwha, Setiausaha Agung Persatuan Pelancongan Asean Tunku Datuk Seri Iskandar Abdullah dan Prof Kenichi Ito, presiden dan ketua pegawai eksekutif Forum Jepun Bagi Hubungan Antarabangsa. -- BERNAMA

WNZ MKO SD NHD